



# **GARIS PANDUAN 1**

## **PENUBUHAN KARIAH BARU**

**MASJID DAN SURAU  
NEGERI PULAU PINANG**

**TAHUN 2016**

# GARIS PANDUAN 1

## PENUBUHAN KARIAH BARU

---

### 1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam menubuhkan kariah baru di Negeri Pulau Pinang.

### 2. RUJUKAN

- 2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 2004
- 2.2 Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Qaryah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1997 dan pindaan Tahun 2003.

### 3. SINGKATAN

AJK	: Ahli Jawatankuasa
JHEAIPP	: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
JKR	: Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang
JMNPP	: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
MAINPP	: Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
PMS	: Pengurusan Masjid dan Surau, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang
YDP	: Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

### 4. PENUBUHAN KARIAH BARU

- 4.1 Pihak Kariah hendaklah berbincang dan membentuk Jawatankuasa Penaja Penubuhan Kariah Baru.
  - 4.1.1 Keanggotaan Jawatankuasa Penaja hendaklah terdiri daripada;-
    - i. Pengerusi.
    - ii. Timbalan Pengerusi.
    - iii. Setiausaha.
    - iv. Bendahari.
    - v. 5 orang Ahli Jawatankuasa.
    - vi. 2 orang Pemeriksa Kira-Kira.
- 4.2 Jawatankuasa Penaja hendaklah mengisi borang permohonan penubuhan kariah baru iaiti Borang 1 dengan lengkap.
- 4.3 Jawatankuasa Penaja dengan nasihat daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah melengkapkan senarai berikut;-
  - i. Alasan-alasan penubuhan kariah baru.
  - ii. Senarai persempadanan kariah dan lakaran pelan lokasi kariah.
  - iii. Permohonan tanah (jika belum ada).
  - iv. Cadangan pembinaan masjid. (Rujuk Panduan 2)
  - v. Cadangan tempat mendirikan Solat Jumaat Sementara.
  - vi. Senarai sekurang-kurangnya 60 orang anak kariah lelaki dan akil baligh

serta cukup syarat-syarat menunaikan solat Jumaat yang bermastautin di dalam kariah yang berkenaan.

vii. Mendapatkan persetujuan dan ulasan daripada kariah-kariah yang bersempadanan menggunakan **Borang 1(a)**.

4.4 Pegawai Tadbir Agama Daerah hendaklah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut;-

- i. Menjalankan siasatan di lokasi, persempadanan kariah dan kajian tapak masjid.
- ii. Mengkaji kemungkinan ada halangan yang akan timbul.
- iii. Mendapat pandangan Pegawai Daerah.
- iv. Mengadakan mesyuarat dengan jawatankuasa penaja, pengerusi-pengerusi kariah yang bersempadanan, Bahagian PMS JHEAIPP, Unit Pembangunan JHEAIPP, MAINPP, JMNPP, Pejabat Daerah dan agensi yang berkaitan seperti JKR, Jabatan Ukur Dan Pemetaan dan lain-lain (jika perlu).
- v. Menentukan tempat Solat Jumaat sementara.
- vi. Melantik pegawai dan petugas masjid.

4.5 Pegawai Tadbir Agama mengemukakan permohonan (kertas cadangan) kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan dari sudut hukum bagi menubuhkan kariah baru, mendirikan Solat Jumaat dan menentukan tempat mendirikan Solat Jumaat sementara. Satu salinan kertas cadangan hendaklah dikemukakan kepada PMS, JHEAIPP.

4.6 Pegawai Tadbir Agama Daerah mengemukakan permohonan (kertas cadangan) kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang untuk kelulusan penubuhan kariah baru dan salinan kepada Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAIPP serta memastikan perkara berikut;-

- i. Keputusan dan persetujuan Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.
- ii. Borang permohonan yang dikemukakan lengkap dengan ulasan dan sokongan oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah.

4.7 Setelah mendapat kelulusan MAINPP, tindakan selanjutnya adalah seperti berikut;-

- i. Pegawai Tadbir Agama memaklumkan keputusan kepada pihak kariah.
- ii. Jawatankuasa Penaja mengajukan kepada Pegawai Tadbir Agama permohonan;-
  - a. Membina Masjid Baru. **[Borang 2(a)]**
  - b. Peruntukan membina masjid dan tempat solat Jumaat sementara (jika perlu) dengan mengisi **Borang Perolehan Kerja untuk kelulusan Unit Pembangunan, JHEAIPP**
- iii. Pegawai Tadbir Agama mengesyorkan pembubaran jawatankuasa penaja dan pelantikan jawatankuasa kariah kepada Bahagian PMS, JHEAIPP untuk mendapatkan kelulusan dalam mesyuarat MAINPP.

- iv. Pegawai Tadbir Agama membuat pengumuman dan menampal watakah penubuhan kariah baru di masjid-masjid berhampiran pada hari Jumaat sebelum upacara pengisytiharan.
- v. YDP, MAINPP atau wakilnya membuat pengisytiharan Penubuhan Kariah Baru di tempat solat Jumaat diadakan.
- vi. Pegawai Tadbir Agama Daerah menguruskan pewartaan sempadan kariah.